

UPM terajui revolusi sukan sepak takraw peringkat IPT

Oleh AIZATIE NAJMIN SULAIMAN

MALAYSIA kini dalam misi membina legasi baharu sepak takraw dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai peneraju Program Pusat Sukan Tumpuan (PST) Sepak Takraw di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tempoh 2025 hingga 2028.

Namun, bukan sekadar pembangunan biasa, PST Sepak Takraw kali ini hadir bersama sasaran besar dan lebih agresif dengan menjadi kuasa dominan dalam Sepak Takraw League (STL) 2025 dan Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2026.

Menurut Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KPT, Dr. Hanafiah Ayub, program tersebut adalah langkah transformasi bagi memastikan lebih ramai atlet institut pengajian tinggi (IPT)

“

Penjenamaan ini bukan sekadar perubahan nama, tetapi satu simbol kesatuan dan kekuatan lebih 300 IPT di Malaysia yang kini bersatu di bawah satu bendera dalam sepak takraw.”

bukan sahaja menyertai, tetapi mendominasi kejohanan berta-raf tinggi.

“Kalau kita lihat pencapaian sepak takraw di peringkat negara, ramai pemain berbakat dari IPT. Kementerian mengam-

bil langkah untuk memberi penerapan PST bagi memastikan lebih banyak penglibatan atlet IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.

Salah satu fokus utama program PST adalah menghantar pasukan bertanding dalam STL 2025 iaitu liga profesional utama negara yang menghimpunkan pemain-pemain terbaik tanah air.

Sebagai langkah memperkukuh jenama sepak takraw IPT, pasukan yang dahulunya dikenali KPT Masum Night kini dijenamakan semula sebagai Malaysian University Sepak Takraw Team (MUST).

“Penjenamaan ini bukan sekadar perubahan nama, tetapi satu simbol kesatuan dan kekuatan lebih 300 IPT di Malaysia yang kini bersatu di bawah satu bendera dalam sepak takraw,” jelasnya.



HANAFIAH (dua dari kanan) percaya program PST Sepak Takraw mampu melahirkan lebih ramai atlet yang berkualiti tinggi buat skuad kebangsaan.